

## BAHAGIAN C : PENENTUAN PIAWAIAN

### TAJUK: KERJA MENGECAT DAN BAIKPULIH TANDAS BANGUNAN UITM KAMPUS KUALA TERENGGANU

1. Spesifikasi kerja (Penentuan Piawaian) bagi item-item yang tersebut di dalam Ringkasan Tender/Sebutharga adalah sepenuhnya berpandukan pada Spesifikasi Piawai JKR.
2. Pihak pemborong juga boleh merujuk spesifikasi di :-

Bahagian Pengurusan Fasiliti  
UiTM Cawangan Terengganu  
Kampus Dungun  
23200 Dungun  
Terengganu

3. Hanya spesifikasi-spesifikasi bagi item-item yang tertentu sahaja yang dilampirkan di dalam dokumen ini.

| Item | Tajuk           | Keterangan                                                                                                                                                                                           |
|------|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.0  | Piawaian        | Kecuali jika dinyatakan, semua kerja-kerja yang dijalankan hendaklah mengikut penentuan yang ditetapkan oleh pembuat dan mengikut kaedah oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)                      |
| 2.0  | Kerja Permulaan | Pemborong adalah dikehendaki mengambil insuran secukupnya bagi tujuan kerja-kerja ini.                                                                                                               |
| 3.0  | Liputan Kerja   | Sebutharga ini meliputi segala keperluan tenaga dan alatan seperti yang terkandung diringkaskan sebutharga bagi maksud menjayakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut.                               |
| 4.0  | Keselamatan     | Pemborong perlu sentiasa mengawasi dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa kerja terutamanya keselamatan awam, harta awam dan seumpamanya seperti menyediakan papan-papan tanda dan amaran. |
| 5.0  | Gangguan        | Sewaktu kerja dijalankan, pemborong hendaklah sentiasa meminimalkan gangguan kepada pengguna lain dan orang ramai.                                                                                   |
| 6.0  | Bahan           | Bahan-bahan yang hendak digunakan hendaklah diluluskan.                                                                                                                                              |